

05 OCT 1997

Ling - Mahathir

KAMI AKAN BERDIRI DI BELAKANG DR MAHATHIR, KATA LING

KOTA KINABALU, 5 Okt (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini membidas media asing kerana cuba memburuk-burukkan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga menyarankan Perdana Menteri meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang yang berlaku di negeri ini.

Beliau berkata soalan siapa yang akan menjadi Perdana Menteri akan diputuskan oleh rakyat Malaysia sendiri dan bukannya oleh orang luar.

Dr Ling juga menyuarakan sokongan penuh dan keyakinannya terhadap kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Saya akan memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir bahawa kita seratus peratus berada di belakangnya. Kita tidak akan "meninggalkannya" cuma kerana media asing cuba memburuk-burukkan nama beliau," katanya selepas melancarkan Projek Langkawi yang dianjurkan oleh MCA, di sini.

Beliau telah ditanya berkaitan laporan beberapa media antarabangsa termasuk Newsweek, yang mencadangkan Perdana Menteri meletakkan jawatan berikutan keadaan ekonomi negara ini sekarang.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata rakyat Malaysia tidak akan melupakan kebaikan yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir terhadap negara ini, terutamanya dengan membawa pertumbuhan ekonomi sejak 16 tahun beliau memimpin negara ini.

Daripada ekonomi yang berasaskan timah dan getah, Dr Mahathir telah meletakkan ekonomi negara ke tangga ketujuh belas negara dagangan terbesar, yang mana 82 peratus eksport negara ini ialah barangan perkilangan yang dijual di pasaran antarabangsa, kata beliau.

"Kita rakyat Malaysia bukanlah jenis yang mudah melupakan kebaikan yang telah diberikan oleh Dr Mahathir. Kita tidak akan "lari" apabila rakan kita berada dalam kesusahan. Dalam krisis kebangsaan kita akan teguh "berdiri bersama-sama"," kata beliau. -- BERNAMA

JS RI